

KEMURUNGAN, SOKONGAN SOSIAL DAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH DI LUAR BANDAR

ABD HALIM ISMAIL

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1988

1100095323

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah  
Universiti Malaysia Terengganu.



tesis

BF 724.3 .S86 A2 2011



1100095323

Kemurungan, sokongan sosial dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar / Abd Halim Ismail.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100095323

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) 21030 KUALA TERENGGANU		
1100095323		

Lihat Sebelah

HAK MILIK

KEMURUNGAN, SOKONGAN SOSIAL DAN PENCAPAIAN  
AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH DI LUAR BANDAR

ABD. HALIM ISMAIL

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Januari 2011

ABD HALIM ISMAIL  
P42972

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi, segala puji bagi Allah yang mempermudah perjalanan dan urusan dalam penyelidikan ini. Pengalaman yang dilalui ketika menyiapkan tesis memberi peluang kepada saya untuk memungut pelbagai ilmu yang bermanfaat. Sekaligus, ia menunjukkan betapa melautnya ilmu yang Allah kurniakan kepada hamba-hamba-Nya tanpa bertepi. Pada kesempatan ini, jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya kerana Dr. Ruslin Amir selaku penyelia saya yang banyak memberikan bimbingan, dorongan, sokongan, kritikan, komentar, dan cadangan berguna. Komitmen beliau yang tidak terbatas dengan kerja-kerja penyeliaan, malah sentiasa membimbing saya dalam melakukan aktiviti akademik dan penyelidikan tidak dapat saya lupakan. Segala sumbangan beliau dalam keadaan dihambat dengan tugas akademik, maka Allah jua sebaik-baik pemberi ganjaran.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai-pegawai di jabatan dan pejabat pelajaran serta pengetua-pengetua sekolah menengah di daerah Bera, Pahang yang telah memberi kerjasama yang amat baik kepada saya semasa membuat pungutan data kajian ini. Juga tidak dilupakan buat rakan-rakan seperjuangan Ahmad, Azaman, Asnul, Sauki dan Zaki yang telah memberi semangat, berkongsi idea dan dorongan hingga terhasilnya kajian ini.

Penghargaan khusus saya ukirkan buat ayahanda dan bonda yang banyak berkorban ketika mendidik dan membesarkan saya. Semoga Allah mengasihani mereka sebagaimana mereka mengasihani saya. Kepada keluarga yang tersayang, isteri Wan Norazizah dan anak-anak yang sentiasa memahami sepanjang tesis ini disiapkan. Sesungguhnya dorongan, ketabahan dan pengorbanan kalian semua menjadi pemangkin utama dalam kejayaan kajian ini. Mudah-mudahan Allah memasukkan kita semua ke dalam golongan yang ikhlas.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti sejauhmana tahap kemurungan dan sokongan sosial dalam kalangan pelajar serta menyelidik sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan jenis aliran dari segi kemurungan dan sokongan sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian. Instrumen yang telah diuji keesahan dan kebolehpercayaan digunakan dalam soal selidik ini. Instrumen yang digunakan ialah Reynolds Adolescent Depression Scale (RADS), Socially Supportive Behaviors (SS-B) dan set temu bual. Soal selidik tersebut terdiri daripada tiga bahagian iaitu maklumat latar belakang, gejala kemurungan dan sokongan sosial. Seramai 256 orang pelajar tingkatan empat dari aliran Sains dan Kemanusiaan di empat buah sekolah menengah luar bandar yang dipilih secara rawak berstrata. Data yang diperolehi daripada pelajar dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif, inferensi dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan tahap kemurungan pelajar pada tahap sederhana. Dari segi sokongan sosial (SS) pula, kajian menunjukkan pelajar memperoleh tahap sokongan yang tinggi daripada ahli keluarga dan tahap sederhana daripada rakan. Ujian Anova menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan kemurungan dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis aliran namun terdapat kesan interaksi antara kedua-duanya. Dari segi SS daripada ahli keluarga, didapati perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jenis aliran pelajar serta tiada interaksi antara keduanya. Bagi SS daripada rakan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dan dari segi jenis aliran pula, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Kesan interaksi juga tidak signifikan. Ujian Pearson mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan kemurungan dan sokongan sosial yang dialami oleh pelajar di sekolah. Secara umumnya kajian ini mendapati, pengaruh ahli keluarga dan rakan-rakan merupakan faktor yang berkait rapat dengan kesihatan mental dan pencapaian akademik pelajar di sekolah.

## **DEPRESSION, SOCIAL SUPPORT AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG RURAL SECONDARY SCHOOL STUDENTS**

### **ABSTRACT**

This study aims to determine how the level of depression and social support among students and to investigate whether there are significant differences between gender and type of flow in terms of depression and social support. This study employed qualitative and quantitative methods using questionnaires as a research tool. The instrument used in this questionnaire has been tested for validity and reliability. Instruments used are the Reynolds Adolescent Depression Scale (RADS), Socially Supportive Behaviors (SS-B) and set interviews. The questionnaire consisted of three parts, background information, symptoms of depression and social support. A total of 256 form four students from the Science stream and Social Science in four rural secondary schools are selected randomly. Data obtained from the students was analyzed by using descriptive, inferential, and qualitative. The findings showed that the overall level of students at a moderate level of depression. In terms of social support (SS), the study showed that students obtain a high level of support from family members and a moderate level of partners. ANOVA tests showed significant differences between male and female students with depression and no significant difference between the type of class streaming, but there is an interaction effect between them. In terms of SS from family members, found significant differences between male and female students and showed no significant differences between the types of class streaming, and no interaction between them. For the SS from friends showed significant differences between male and female students and in the types of class streaming, there was no significant difference and no significant interaction effects. Pearson test found a significant relationship between academic achievement and depression and social support experienced by students at the school. In general, this study found, the influence of family members and friends are factors associated with mental health and academic performance in school.